

# Kewangan Islam perlu berdaya saing, berimpak tinggi

Anwar mahu tumpuan masa depan ke arah pembangunan bakat dan pacu inovasi

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dalam menghadapi perubahan global yang semakin pesat, kewangan Islam bukan saja perlu menyesuaikan diri dengan arus semasa, malah perlu tampil menerajui dalam memperkenalkan instrumen kewangan berdaya saing serta berimpak tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata antara inovasi yang sedang diberi tumpuan ialah sukuk hijau, yang mampu membiayai pembangunan infrastruktur mampan, seiring dengan agenda perubahan iklim dan pembangunan hijau.

Pada masa sama, katanya, platform digital membuka peluang lebih luas bagi memperkukuh kewangan terangkum, sekali gus membolehkan lebih ramai golongan masyarakat mendapat akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

“Instrumen kewangan sosial seperti zakat dan wakaf berpotensi besar diperluas untuk memberi impak lebih menyeluruh kepada komuniti,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima Anugerah Kepimpinan Kewangan Islam Global 2025 di sini, semalam.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

## Bukan hanya jumlah aset

Mengulas lanjut, Anwar berkata, ukuran sebenar kejayaan kewangan Islam tidak seharusnya dinilai semata-mata melalui jumlah aset yang diuruskan.

Beliau berkata, lebih penting ialah kewangan Islam mampu mengubah kehidupan masyarakat

serta menjamin masa depan yang lebih adil dan mampan.

Sehubungan itu katanya, tumpuan masa depan akan diberikan kepada pembangunan bakat, kecemerlangan peraturan dan pamacuan inovasi.

“Insya-Allah, kita akan mengukuhkan lagi peranan kewangan Islam dalam menyokong Matlamat Pembangunan Lestari dan memupuk generasi beretika.

“Generasi beretika, bermaksud generasi pemimpin dan pemain yang percaya pada nilai, dalam prinsip etika, yang akan menjalankan misi pada masa hadapan,” katanya.

Mengulas perkembangan kewangan Islam di Malaysia, Anwar amat berpuas hati penyertaan orang Islam dan bukan Islam dalam kewangan Islam di negara ini amat menggalakkan.

Beliau berkata, perkembangan itu menunjukkan kewangan Islam boleh menawarkan alternatif berdaya maju, alternatif yang lebih adil, terangkum, malah mampan melalui instrumen Islam yang lebih bertenaga, lebih relevan, lebih beretika dari segi perbankan dan kewangan.